Media: Sinar Harian

Date: 23 May 2023

Ajinomoto ajak lawat kilang pintar, mesra alam baharu

SHAH ALAM - Kilang pintar dan mesra alam baharu Ajinomoto (M) Berhad (AMB) di Bandar Enstek Halal Hub kini dibuka untuk lawatan orang ramai.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan Ajinomoto, kilang tersebut disahkan secara rasmi dengan penarafan 'perak' bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI) yang menggunakan teknologi canggih bagi optimumkan operasi melalui automasi serta pendigitalan digabungkan untuk meningkatkan kecekapan produktiviti.

"Kilang ini juga direka untuk menyediakan pekerja dengan persekitaran yang kondusif dan mesra kerja termasuk dilengkapi fasiliti rekreasi. "Pelbagai aktiviti menarik diadakan

"Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti lawatan galeri dan koridor pengeluaran, demonstrasi masakan serta sesi hidangan ringkas," ujar kenyataan itu pada Isnin.

Dalam pada itu, kenyataan tersebut memaklumkan, pengunjung yang datang turut menerima cenderahati menarik de66

Kilang ini juga direka untuk menyediakan pekerja dengan persekitaran yang kondusif dan mesra kerja termasuk dilengkapi fasiliti rekreasi."

ngan pelbagai sampel produk selepas lawatan tersebut.

Menurutnya, lawatan itu adalah percuma dan maklumat lanjut serta pendaftaran boleh dibuat menerusi laman web Ajinomoto Malaysia di www.ajinomoto.com.my/contact-us/factory-visit-0.

"Pengunjung boleh melawat bermula jam 9 pagi hingga 4 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat," tambah kenyataan itu.



Kilang pintar dan mesra alam baharu Ajinomoto (M) Berhad (AMB) di Bandar Enstek Halal Hub.